

Diskaun Pelbagai Produk Terma & Syarat



Diskaun Pelbagai Produk (atau “Diskaun”) adalah diskaun yang ditawarkan kepada pemegang polisi/sijil individu sedia ada kami apabila mereka membeli/menyertai dan/atau memperbaharui pelbagai produk insurans/takaful peribadi dengan kami.

Terma & Syarat Diskaun Pelbagai Produk ini menetapkan syarat dan kriteria kelayakan bagi mendapatkan Diskaun Pelbagai Produk.

1. Kelayakan

Anda layak untuk mendapatkan Diskaun Pelbagai Produk jika anda memenuhi kriteria-kriteria kelayakan berikut:

- Anda merupakan pelanggan individu sedia ada dengan sekurang-kurangnya satu (1) Produk Asas (seperti yang ditakrifkan dalam Seksyen 4) daripada **Zurich Life Insurance Malaysia Berhad (“ZLIMB”)**, **Zurich Takaful Malaysia Berhad (“ZTMB”)**, **Zurich General Insurance Malaysia Berhad (“ZGIMB”)** atau **Zurich General Takaful Malaysia Berhad (“ZGTMB”)**.
- Anda membeli/menyertai dan/atau memperbaharui Produk Layak (seperti yang ditakrifkan dalam Seksyen 4) bermula dari 18 Oktober 2024 sehingga diberitahu lebih lanjut tertakluk pada terma dan syarat seperti yang dinyatakan dalam dokumen ini.

2. Peringkat Diskaun Pelbagai Produk

- Jika anda tidak mempunyai sebarang Produk Asas yang masih berkuat kuasa, anda tidak layak untuk mendapatkan Diskaun Pelbagai Produk apabila anda membeli/menyertai dan/atau memperbaharui satu Produk Layak.
- Jika anda mempunyai satu (1) Produk Asas yang masih berkuat kuasa, anda akan layak mendapatkan diskaun lima peratus (5%) apabila anda membeli/menyertai atau memperbaharui satu Produk Layak.
- Jika anda mempunyai dua (2) atau lebih Produk Asas yang masih berkuat kuasa, anda akan layak mendapatkan diskaun sepuluh peratus (10%) apabila anda membeli/menyertai dan/atau memperbaharui satu Produk Layak.

Jadual di bawah menunjukkan peringkat Diskaun Pelbagai Produk:

Bilangan Produk Asas Yang Masih Berkuat Kuasa	Peratusan Diskaun bagi Produk Layak
0	0%
1	5%
2 atau lebih	10%

3. Pengesahan dan Pemakaian Diskaun Pelbagai Produk

Pengesahan dan Pemakaian Diskaun bagi Produk-Produk Layak adalah berdasarkan kriteria-kriteria berikut:

- Pengenalan diri pemegang polisi/sijil, iaitu kad pengenalan diri (KP), kad pengenalan tentera atau nombor-nombor pengenalan diri yang berkaitan
- Tarikh Berkuatkuasa bagi Produk Layak (i.e. sama ada terdapat Produk Asas)
- Tarikh Tamat Tempoh Produk Layak (i.e. sama ada terdapat sebarang Produk Asas yang bertindih sebelum Tarikh Tamat Tempoh Produk Layak)

- iv. Produk Layak yang dikeluarkan oleh kami terlebih dahulu pada atau selepas 18 Oktober 2024 akan berhak mendapat diskaun 5%, dan semua Produk Layak yang dikeluarkan selepas itu akan berhak mendapat diskaun 10%..

Sebagai contoh, jika anda membeli polisi Z-Drive Assist dan/atau menyertai sijil Z-Drive Assist Takaful bersama-sama dengan polisi/sijil motor kereta persendirian ZGIMB atau ZGTMB pada masa yang sama, kami akan mengiktiraf polisi/sijil motor kereta persendirian tersebut sebagai satu Produk Asas sah sedia ada, dan anda layak mendapatkan Diskaun Pelbagai Produk pada polisi Z-Drive Assist dan/atau sijil Z-Drive Assist Takaful.

4. Definisi dan tafsiran

- i. **Kami** adalah merujuk kepada ZGIMB atau ZGTMB.
- ii. **Produk Asas**
- Dalam hal ZLIMB dan ZTMB, akan termasuk semua jenis produk yang dikeluarkan; dan
 - Dalam hal ZGIMB dan ZGTMB, akan merujuk kepada produk individu persendirian dengan tempoh perlindungan minimum selama satu (1) tahun. Tiada premium/caruman minimum yang dikenakan ke atas Produk Asas

Produk Asas ZGIMB dan ZGTMB terdiri daripada produk-produk yang disenaraikan di bawah:

Kelas	Zurich General Insurance Malaysia Bhd	Zurich General Takaful Malaysia Bhd
Kemalangan Peribadi	1. Personal Sentinel Version 3 Plus 2. Z-Alliance Secure 3. Personal Accident 4. Flexi Personal Accident Plan	1. Personal Sentinel Version 3 Plus Takaful 2. Z-Alliance Secure Takaful 3. Personal Accident Takaful 4. M-Tiara Prestige Protection
Perjalanan	1. Z-Travel Insurance (International) 2. Z-Alliance Travel	1. Z-Travel Takaful (International) 2. Z-Alliance Travel Takaful 3. Education Travel Takaful
Kediaman	1. Houseowner/Householder Insurance 2. Homeowner Premier Insurance 3. Z-HomeProtect Insurance	1. Houseowner/Householder Takaful 2. Homeowner Premier Takaful 3. Z-HomeProtect Takaful
Motor (Kereta Persendirian)	1. Private Car for Private Use 2. Private Car - Z-Driver	1. Private Car for Private Use 2. Private Car - Z-Driver Takaful
Motor (Motosikal)	1. Motorcycle for Private Use 2. Motorcycle - Z-Rider	1. Motorcycle for Private Use 2. Motorcycle - Z-Rider Takaful
Perlindungan Kemalangan Peribadi Motor	1. CyclePAC - Individual 2. POS CyclePAC 3. Z-Drive Assist	1. CyclePAC Takaful - Individual 2. Z-Drive Assist Takaful 3. Auto Pac Pos - Private Car Individual
Perubatan	1. Z-MedProtect	1. Z-MedProtect Takaful
Golf Peribadi dan Lain-lain Produk Kemalangan Am	1. All Risk (Personal Effects) 2. Golfer's 3. Z-Alliance Comprehensive Home Safe 4. Z-Alliance Safe Deposit Box Insurance (Top-Up Cover)	1. All Risk (Personal Effects) 2. Golfer's 3. Z-Alliance Comprehensive Home Safe Takaful

iii. **Produk Layak**

a) merujuk kepada produk-produk individu persendirian yang memenuhi kelayakan untuk Diskaun Pelbagai Produk, tertakluk pada Terma & Syarat Diskaun Pelbagai Produk dan keperluan penilaian risiko. Produk Layak adalah terhad kepada empat (4) produk berikut:

- Personal Sentinel Version 3 Plus atau Personal Sentinel Version 3 Plus Takaful
- Z-Drive Assist atau Z-Drive Assist Takaful
- Z-HomeProtect atau Z HomeProtect Takaful (tertakluk pada Bahagian 2 – Perlindungan Kandungan sahaja)
- Z-Travel Insurance (International) or Z-Travel Takaful (International) (terpakai untuk pelan tahunan sahaja)

b) Tempoh perlindungan bagi produk layak yang dibeli/disertai mestilah sekurang-kurangnya satu (1) tahun.

iv. Kami berhak untuk mengubah terma dan syarat termasuk peratusan Diskaun Pelbagai Produk atau untuk menamatkan Diskaun Pelbagai Produk dengan memberikan tujuh (7) hari notis. Sekiranya terdapat sebarang perubahan atau penamatan Diskaun Pelbagai Produk ini, polisi/sijil yang telah dikeluarkan tidak akan terkesan dan akan kekal sah tanpa sebarang perubahan sehingga tamat tempoh polisi/sijil.

Sila rujuk Soalan Lazim (FAQ) yang dilampirkan di muka surat terakhir dokumen Terma dan Syarat ini. Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai Diskaun Pelbagai Produk, sila hubungi ejen perkhidmatan anda atau hubungi kami di talian 1-300-888-622 atau e-mel kepada callcentre@zurich.com.my.

Diskaun Pelbagai Produk

Soalan Lazim (FAQ)



1. Adakah saya perlu memohon untuk Diskaun Pelbagai Produk?

Tidak, anda tidak perlu memohon untuk Diskaun Pelbagai Produk. Jika anda memenuhi terma dan syarat yang telah ditetapkan, Diskaun Pelbagai Produk akan ditawarkan ke atas polisi/sijil Produk Layak anda yang layak secara automatik.

2. Bagaimanakah boleh saya mengetahui jika polisi/sijil saya mendapat Diskaun Pelbagai Produk?

Sebut harga Produk Layak akan menyatakan jumlah Produk Asas yang anda miliki sekarang. Diskaun Pelbagai Produk yang anda layak terima akan ditunjukkan di bahagian ini.

Walau bagaimanapun, jumlah Produk Asas yang anda miliki mungkin berubah pada waktu sebenar Produk Layak anda dikeluarkan/diperbaharui, memandangkan terdapat jurang masa dari masa sebut harga ke pengeluaran polisi/sijil.

3. Jika saya seorang pemegang polisi/sijil sedia ada bagi Produk Asas dan saya membeli/menyertai satu Produk Layak untuk anak-anak saya, adakah polisi/sijil tersebut layak untuk mendapat Diskaun Pelbagai Produk?

Permohonan Diskaun Pelbagai Produk adalah berdasarkan kepada pengenalan diri unik pemegang polisi/sijil. Jika anda membeli/menyertai untuk anak-anak anda sebagai individu yang diinsuranskan/dilindungi, namun anda masih merupakan pemegang polisi/sijil, maka polisi/sijil itu layak untuk menerima Diskaun Pelbagai Produk.

4. Jika Produk Asas saya dibeli/disertai daripada Ejen A dan Produk Layak daripada Ejen B, adakah polisi/sijil tersebut layak untuk Diskaun Pelbagai Produk?

Ya, tidak kira daripada siapa polisi dibeli atau sijil disertai, selagi anda memenuhi terma dan syarat Diskaun Pelbagai Produk, polisi/sijil tersebut layak mendapat Diskaun Pelbagai Produk.

5. Apa yang baru tentang Diskaun Pelbagai Produk ini bermula dari 18 Oktober 2024?

Untuk Diskaun Pelbagai Produk yang terbaru ini, Produk Asas anda yang dibeli/disertai daripada ZLIMB, ZTMB, ZGIMB atau ZGTMB akan diambil kira untuk diskaun yang anda akan terima untuk Produk Layak.

6. Mengapa hanya terdapat empat (4) Produk Layak?

Diskaun Pelbagai Produk merupakan inisiatif berterusan bagi memberi ganjaran kepada pelanggan sedia ada yang melanggan pelbagai produk peribadi kami. Sebagai permulaan, kami telah mengenal pasti empat (4) Produk Layak, namun kami akan terus menilai keperluan dan menambah bilangan Produk Layak pada masa akan datang. Nantikan pengumuman kami pada masa akan datang untuk mengetahui senarai terkini Produk Layak.

7. Jika syarikat saya membeli/menyertai satu Produk Asas untuk saya, adakah ia akan dianggap sebagai Produk Asas apabila saya membeli/menyertai sendiri satu Produk Layak? Bolehkah saya mendapat Diskaun Pelbagai Produk?

Tidak, polisi/sijil yang dibeli/disertai oleh syarikat anda tidak akan dianggap sebagai Produk Asas memandangkan anda bukan pemegang polisi/sijil.

Jika anda tidak mempunyai Produk Asas yang lain di bawah nama anda sebagai pemegang polisi/sijil pada masa pembelian/penyertaan Produk Layak, anda tidak layak mendapatkan sebarang Diskaun Pelbagai Produk.

8. Saya telah membeli/menyertai satu polisi/sijil Motor (Produk Asas). Bagaimanapun, saya telah membatalkan polisi/sijil tersebut enam (6) bulan kemudian memandangkan kereta itu telah dijual.

- a. Jika saya membeli/menyertai Produk Layak sebelum pembatalan polisi/sijil dan telah pun menerima Diskaun Pelbagai Produk, adakah ia memberi kesan kepada diskaun yang saya terima itu memandangkan saya telah membatalkan Produk Asas?

Tidak, anda akan terus menikmati diskaun tersebut sepanjang tempoh polisi/sijil. Walau bagaimanapun, ketika ingin memperbaharui, kami akan menilai semula jumlah Produk Asas yang anda ada serta kelayakan untuk mendapatkan Diskaun Pelbagai Produk.

- b. Jika saya membeli/menyertai Produk Yang Layak selepas pembatalan polisi/sijil, bolehkah saya mendapat Diskaun Pelbagai Produk?

Tidak, anda tidak layak mendapatkan Diskaun Pelbagai Produk memandangkan Produk Asas anda tidak lagi berkuat kuasa pada masa pembelian/penyertaan Produk Layak.

9. Saya mempunyai polisi/sijil sedia ada bagi Motor, Kediaman dan Kemalangan Peribadi dengan Zurich General Malaysia, bagaimanakah saya boleh menikmati diskaun tersebut apabila saya membeli/menyertai Produk Layak sekarang? Bolehkah saya mendapat rebat jika saya membeli/menyertai terus di mana-mana cawangan Zurich?

Jika ketiga-tiga polisi/sijil Motor, Kediaman dan Kemalangan Peribadi tersebut dibeli/disertai di bawah nama anda sebagai pemegang polisi/sijil dengan tempoh masa minimum selama 1 tahun, anda akan mempunyai 3 Produk Asas yang aktif dalam rekod kami dan anda layak untuk mendapatkan Diskaun Pelbagai Produk sebanyak 10% apabila anda membeli/menyertai Produk Layak.

Jadual di bawah adalah contoh gambaran bagi pengiraan premium/caruman:

Senario 1:

Jika anda hadir ke cawangan- cawangan kami untuk membeli/menyertai

Premium/Caruman Kasar	1,000
(-) Diskaun Pelbagai Produk (MPD) 10%	-100
Premium/Caruman selepas MPD	900
(-) Rebat 25%*	-225
Premium/Caruman selepas rebat	675
SST 8%	54
Duti Setem	10
Premium/Caruman Yang Perlu Dibayar	739

Senario 2:

Jika anda membeli/menyertai menerusi ejen

Premium/Caruman Kasar	1,000
(-) Diskaun Pelbagai Produk (MPD) 10%	-100
Premium/Caruman selepas MPD	900
(-) Rebat 25%*	0
Premium/Caruman selepas rebat	900
SST 8%	72
Duti Setem	10
Premium/Caruman Yang Perlu Dibayar	982

*Rebat bergantung kepada jenis Produk Layak yang dibeli/disertai terus dari Zurich Malaysia.